

**NO. SOALAN: 539**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : PUAN TEO NIE CHING**

**RUJUKAN : 9813**

**SOALAN:**

**Puan Teo Nie Ching [ Kulai ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan sama ada tindakan disiplin telah diambil terhadap anggota PDRM yang terlibat dalam kematian N. Dharmendran dan Syed Mohd Azlan Syed.**

## **JAWAPAN:**

**Pihak polis telah menjalankan siasatan berkait Tun H.S. Lee Repot 18468/13 di bawah Seksyen 302 Kanun Keseksaan yang melibatkan kematian N. Dharmendran dalam tahanan polis.**

**Tiga orang pegawai dan anggota polis yang terlibat telah dituduh di mahkamah pada 5 Jun 2013 manakala pada 30 Julai 2013 seorang lagi anggota polis telah dituduh di mahkamah.**

**Pada 12 Disember 2014, Mahkamah Tinggi telah memutuskan tiada kes "*prima facie*" dan telah melepaskan dan membebaskan kesemua tertuduh namun pada 22 Disember 2014, pihak Peguam Negara telah memfailkan Notis Rayuan terhadap keputusan berkenaan. Seterusnya pada 26 Februari 2016, Mahkamah Rayuan memerintahkan kesemua tertuduh membela diri dan kes disebut semula pada 4 Mei 2016. Pada 29 Jun 2016, mahkamah membuat keputusan membebaskan kesemua tertuduh.**

**Bagi kes kematian Syed Azlan, pihak polis juga telah mengambil tindakan dengan menuduh tiga (3) orang pegawai dan anggota polis yang terlibat pada 22 Mei 2016 dan pada 22 November 2016. Mahkamah telah melepaskan dan membebaskan tertuduh. Walau bagaimanapun, kes berkenaan masih di peringkat proses rayuan oleh Peguam Negara.**

**SOALAN ( 540 )**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB. PUAN TEO NIE CHING  
[ KULAI ]**

**SOALAN :-**

**YB. Puan Teo Nie Ching [ Kulai ]** minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan rancangan Kerajaan untuk membantu pembeli rumah Taman Permata Impian yang sudah terbengkalai selama 12 tahun untuk mendapat balik wang mereka, seperti yang dijanji dalam satu mesyuarat yang dipengerusi oleh Jabatan Perumahan Negara pada 4 Mac 2015.

## **JAWAPAN :-**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Projek Perumahan Taman Permata Impian, Kulai yang dimajukan oleh Renewed Development Sdn. Bhd. melibatkan 284 unit Rumah Kedai 2 Tingkat (RK2T) di mana perjanjian jual beli yang pertama telah ditandatangani pada tahun 2002.

Jabatan telah mengklasifikasi projek berkenaan sebagai projek tanpa lesen, memandangkan pemaju tidak memohon *Advertising Permit and Developer Licence* (APDL) bagi tujuan penjualan unit rumah yang dibina di kawasan berkenaan.

Jabatan pada masa ini sedang dalam proses konsultasi dengan mereka yang terlibat iaitu pihak pemaju, pembiaya, pembeli dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) untuk mencari kaedah terbaik menyelesaikan masalah tersebut. Proses perundingan dan konsultasi ini dijangka akan mengambil

masa yang panjang disebabkan tiada perundangan khusus di bawah Akta 118 bagi tujuan memulihkan pemajuan tanpa lesen.

Status terkini mesyuarat penyelarasan bersama pemaju, pembiaya dan PBT telah diadakan di JPN pada 8 Mac 2017 pihak pemaju telah mengemukakan beberapa cadangan penyelesaian kepada Affin Bank Berhad pada 28 Februari 2017. Keputusan yang telah dipersetujui bersama semasa mesyuarat tersebut adalah seperti berikut;

- i. Pemaju memaklumkan tidak dapat meneruskan projek dan akan membuat penyelesaian pembayaran jumlah yang munasabah kepada para pembeli;
- ii. Pemaju perlu mengemukakan cadangan penyelesaian bagi projek tersebut kepada bank-bank pembeli yang terlibat;
- iii. Pembiaya yang terlibat akan mengkaji cadangan dan terma penyelesaian yang dikemukakan oleh pihak pemaju dan akan mengemukakan maklumbalas pada bulan April 2017; dan

- iv. Pembeli akan dimaklumkan selepas maklumbalas daripada pihak bank diperolehi bagi tujuan perundingan dan konsultasi.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,  
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

April 2017